

PERATURAN PERMAINAN GOLF

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh 'The Royal And Ancient Golf Club Of St. Andrews' dan peraturan-peraturan tempatan (Local Rules) berkaitan, melainkan apa-apa kekecualian atau keputusan lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur.

1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

1.3 Kelayakan Peserta

1.3.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

1.3.2 Pemain perlu mempunyai handikap kad USGA atau pengesahan dari Malaysian Golf Association (MGA).

1.3.2.1 Setiap universiti boleh mendaftar sekurang-kurangnya seorang (1) peserta untuk setiap kategori individu lelaki dan wanita.

1.3.2.2 Pemain yang berstatus "professional" tidak layak mengambil bahagian.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Sistem Pertandingan

2.1.1 Sistem pertandingan dijalankan secara **stroke play 54 holes.**

2.1.2 Susunan lapangan dan giliran pemain adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur.

2.1.3 Jawatankuasa Penganjur berhak mengubah susunan dan giliran permainan peserta-peserta sebelum pertandingan.

2.1.4 Peserta-peserta pertandingan hendaklah melapor diri 15 minit sebelum masa giliran permainan yang ditetapkan. Pemain yang melapor diri lewat dari masa yang ditetapkan akan dibatalkan penyertaannya.

2.1.5 Sekiranya keputusan seri, untuk menentukan pemenang, akan ditentukan melalui OCB seperti berikut;.

- 2.1.5.1 18 Lubang terakhir
- 2.1.5.2 18 lubang hari kedua
- 2.1.5.3 18 lubang hari pertama

2.2 Acara / Kategori yang dipertandingkan

- 2.2.1 Kategori Individu Lelaki - Gross
- 2.2.2 Kategori Individu Wanita - Gross
- 2.2.3 Kategori Individu Lelaki - Nett
- 2.2.4 Kategori Individu Wanita - Nett
- 2.2.5. Kategori Berkumpulan - Gross
- 2.2.6. Kategori Berkumpulan - Nett

Untuk Kategori Berkumpulan Gross / Nett, 1 score lelaki dan 1 score wanita yang terbaik akan diambil kira.

2.3 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.3.1 Bilangan pendaftaran pemain dan pegawai adalah seperti berikut :

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu dan Berpasukan	4	4	2	10

2.4 Kuasa dan keputusan

2.4.1 Jawatankuasa penganjur akan melantik 3 orang pengadil pertandingan serta seorang ketua pengadil dan keputusan pengadil ini hendaklah digunapakai bagi menyelesaikan masalah yang timbul semasa pertandingan berlangsung.

2.5 Keselamatan

2.5.1 Jawatankuasa penganjur, wakil atau ejennya tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta-peserta atau kehilangan dan kerosakkan harta benda semasa kejohanan ini berlangsung.

2.6 Bantahan / Rayuan

2.6.1 Rujuk Perkara 13 dan 14 Peraturan SUKIPT V, 2020.

2.6.2 Penganjur juga berhak menetapkan Jawatankuasa Rayuan yang dianggotai oleh Ketua Pengadil, Ketua Sekretariat Penganjur, serta individu yang dirasakan perlu oleh Penganjur bagi mendengar dan memberikan keputusan terhadap rayuan tersebut.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

3.2 Pakaian & Peralatan Pertandingan.

3.2.1 Semua pemain mestilah berpakaian golf yang dibenarkan dengan kasut berpaku lembut.

3.2.2 Penganggar Jarak (Distance Measuring Device DMD).

3.2.2.1 Pemain dibenarkan mengguna pakai alat pengukur jarak, terhad kepada jarak semata-mata. Jika pihak penganjur mendapati penyalahgunaan alat ini untuk menentu ukur ketinggian, kelembapan. Pihak penganjur berhak memberi keputusan yang sesuai dengan kesalahan mengikut peraturan sedia ada.

3.2.2.2 Para pemain “dibenarkan” menggunakan telefon bimbit sepanjang pertandingan bagi menentukan jarak menggunakan “apps” untuk JARAK sahaja. Kegagalan mengikut peraturan, juga akan diambil tindakan seperti 3.2.2.1 di atas.

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Individu Lelaki – Gross	1	1	1	1	1	1
Individu Wanita – Gross	1	1	1	1	1	1
Individu Lelaki – Nett	1	1	1	1	1	1
Individu Wanita – Nett	1	1	1	1	1	1
Berkumpulan – Gross	1	2	1	2	1	2
Berkumpulan – Nett	1	2	1	2	1	2
JUMLAH	6	8	6	8	6	8